

KOLEJ TUN DR. ISMAIL

Rujukan Kami : UPM.KTDI.700-4/1/2
Tarikh : 30 Januari 2023

Mahasiswa/Mahasiswi

Kolej Tun Dr. Ismail
Universiti Putra Malaysia

Siswa/Siswi,

CUTI ANTARA SEMESTER SESI 2022/2023

Adalah dimaklumkan bahawa cuti di atas akan bermula dari **13 Februari 2023 (Isnin) hingga 12 Mac 2023 (Ahad)** selama empat (4) minggu. Sehubungan itu semua pelajar Kolej Tun Dr. Ismail dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

1. MENGOSONGKAN BILIK

Bilik hendaklah dikosongkan dalam keadaan bersih. Pelajar-pelajar hendaklah memastikan almari dikosongkan, poster ditanggalkan, perabot disusun seperti susunan asal dan semua suis elektrik, lampu dan kipas ditutup. Denda sebanyak **RM50.00** akan dikenakan sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi. Sebarang kerosakan inventori di bilik hendaklah dilaporkan dengan segera ke Pejabat Am Kolej.

2. PEMULANGAN KUNCI BILIK

Pelajar yang ingin pulang awal, pemulangan kunci boleh dilakukan pada waktu pejabat di Pejabat Am Kolej. Pemulangan kunci melalui rakan tidak dibenarkan. Tarikh pemulangan kunci adalah seperti butiran berikut:-

Tarikh	: 11 & 12 Februari 2023 (Sabtu & Ahad)
Masa	: 8.30 pagi hingga 4.30 petang
Tempat	: Pejabat Am Kolej Tun Dr Ismail

3. PENGINAPAN SEMASA CUTI

Pelajar yang ingin menginap semasa cuti termasuk yang terlibat dengan aktiviti kolej dikehendaki mengisi "Borang Permohonan Sewaan Penginapan" dan mendaftar di Pejabat Am Kolej dengan kadar bayaran sebanyak RM4.00 seorang/sehari. Tindakan tegas akan diambil terhadap pelajar-pelajar yang didapati tinggal tanpa kebenaran atau menumpang orang lain.

4. PERALATAN KOLEJ

Semua peralatan kolej yang dipinjam terutamanya alatan sukan, kebudayaan, elektrik dan alatan lain hendaklah dipulangkan **sebelum atau pada 10 Februari 2023 (Jumaat)**.

5. TEMPAT MENYIMPAN BARANG

Pelajar digalakkan membawa balik semua barang dan peralatan kepunyaan sendiri. Walaubagaimanapun, pihak kolej ada menyediakan stor untuk kemudahan penyimpanan barang;

- Semua barang-barang yang berharga dan penting hendaklah dibawa pulang. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan/kerosakan barang-barang yang disimpan.

- ii. Sila pastikan barang-barang yang disimpan dimasukkan ke dalam kotak, diikat kemas dan dilabelkan. Stor tempat menyimpan barang-barang tidak akan dibuka sepanjang cuti bagi mengelakkan sebarang kerosakan dan kehilangan barang.
- iii. Barang-barang hendaklah disimpan di dalam stor yang telah dikhaskan seperti butiran berikut:

Blok Mawar, Kenanga, Melati, Melur - **Aras Bawah, 1, 2 & 3**
Blok Baung, Jelawat, Kalui, Kelah - **Aras 1 & 2 (wing depan & belakang)**

6. KENDERAAN

Semua jenis kenderaan tidak dibenarkan berada di dalam kawasan bangunan blok. Kenderaan hendaklah di parkir kenderaan pelajar. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab terhadap keselamatan kenderaan tersebut.

7. DENDA

Pihak pengurusan kolej berhak mengenakan amaran dan denda mengikut **Perintah-perintah Tetap Universiti Putra Malaysia (Kolej Kediaman)** yang terkini kepada pelajar yang tidak mematuhi peraturan kolej.

8. PENDAFTARAN MASUK BAGI SEMESTER KEDUA 2022/2023

Pelajar tidak dibenarkan pulang awal. Pelajar hanya boleh mendaftar dan mengambil kunci pada tarikh seperti berikut:

Tarikh : 11 & 12 Mac 2023 (Sabtu & Ahad)
Masa : 8.30 pagi hingga 4.30 petang
Tempat : Pejabat Am Kolej Tun Dr Ismail

Akhir kata saya dan semua kakitangan Kolej Tun Dr. Ismail ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan "**Selamat bercuti, jaga kesihatan dan berhati-hati di jalan raya**".

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,


PROF. MADYA DR. MOHD MURSYID ARSHAD

Pengetua
Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah
Menjalankan Tugas Pengetua Kolej Tun Dr. Ismail
Universiti Putra Malaysia

s.k. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UPM
- Pengarah Keselamatan, UPM